

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	17 OCTOBER 2016

Ubah suai model perniagaan pastikan Proton tidak gulung tikar

Bukan niat hapus legasi Dr. M

Um - 17/10/2016

Oleh SHARILFUDDIN SAARI

utusanperlis@utusan.com.my

■ ARAU 16 OKT.

PENGUBAHSUAIAN terhadap model perniagaan Proton Holdings Bhd. (Proton) oleh kerajaan bukan dilakukan untuk menghapuskan legasi Tun Dr. Mahathir Mohamad, sebaliknya bagi memastikan syarikat automotif negara itu tidak gulung tikar.

Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Annuar Musa menegaskan, perkembangan industri automotif dunia ketika ini menyebabkan berlaku persaingan sengit sehingga model kenderaan itu tidak lagi kompetitif dan dapat dieksport ke luar negara.

“Kerajaan bukan marahkan Dr. Mahathir tetapi kemungkinan sesuatu (model perniagaan) yang dilakukan kerajaan terdahulu adalah relevan ketika itu, tetapi kini sudah tidak sesuai.

“Oleh itu, kerajaan di bawah Datuk Seri Najib Tun Razak perlu berani membuat semakan (pengubahsuaian). Dalam hal ini, kerajaan terpaksa memberi subsidi berbilion ringgit kepada Proton dan sudah tentu dana ini tidak dapat digunakan untuk membantu rakyat miskin,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Jelajah Pemimpin Bersama



ANNUAR MUSA menyampaikan ucapan di hadapan pemimpin UMNO seluruh Perlis dalam Majlis Jelajah Pemimpin Bersama Pemimpin Akar Umbi di Arau, Perlis, semalam.

Pemimpin Akar Umbi di Kolej Matrikulasi di sini, hari ini.

Yang turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri.

Annuar memberitahu, kebanyakan syarikat automotif dunia telah mengubah suai model perniagaan termasuk bergabung sesama sendiri seperti jenama terkenal, Volkswagen dan Ford.

Tambah beliau, model pernia-

gaan Proton adalah antara legasi era kepimpinan Dr. Mahathir yang perlu dibuat semakan oleh kerajaan selain dasar penswastan sisa pepejal dan lebuah raya bertol.

“Kita bimbang berlaku peningkatan kos hidup ekoran dasar ini yang kemudian sudah tentu dipindahkan kepada rakyat. Sebab itu, kerajaan perlu berani membuat penilaian dan semakan terhadap dasar yang tidak relevan,” katanya.

Dalam pada itu, beliau menggesa pemimpin rakyat di semua

peringkat akar umbi agar mendapatkan maklumat dan pengetahuan tepat berhubung sesuatu isu daripada Biro Penerangan UMNO.

“Kalau keliru dengan sesuatu berita, pemimpin akar umbi mesti berhubung dengan Biro Penerangan UMNO supaya dapat meny lurkannya kepada ahli lain. Ini kerana kerajaan mesti meneruskan kerja dan tanggungjawab terhadap urusan negara sedangkan pembangkang hanya tahu kritik dan tidak perlu memikirkan kerja,” katanya.